

**PENGARUH KECERDASAN EMOSI SEBAGAI
MEDIATOR TERHADAP HUBUNGAN ANTARA
KEPIMPINAN *SERVANT* GURU PEMBIMBING
DENGAN STRES GURU PELATIH**

KAMARIAH BINTI MD SALLEH

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

2023

**PENGARUH KECERDASAN EMOSI SEBAGAI
MEDIATOR TERHADAP HUBUNGAN ANTARA
KEPIMPINAN *SERVANT* GURU PEMBIMBING
DENGAN STRES GURU PELATIH**

oleh

KAMARIAH BINTI MD SALLEH

**Tesis yang diserahkan untuk
memenuhi keperluan bagi
Ijazah Doktor Falsafah**

Ogos 2023

PENGHARGAAN

Dengan nama Allah yang Maha Pengasih dan Maha Penyayang. Segala puji bagi Allah S.W.T dan selawat serta salam kepada Rasulullah S.A.W kerana tanpa izinNya, tiada daya dan upaya untuk menyiapkan tanggungjawab besar ini. Malah, Allah S.W.T telah bermurah hati untuk ‘menghantar’ insan-insan mulia yang terpilih untuk membantu proses melengkapkan tesis ini.

Justeru, setinggi-tinggi penghargaan dan doa jazakumullahu khairan kathiro kepada Penyelia Utama saya iaitu Prof. Madya Dr. Ahmad Tajuddin Othman yang sentiasa bersedia untuk membimbing, memberi idea, peringatan, teguran, nasihat dan motivasi walaupun semasa dalam cuti sakit untuk memastikan proses kajian berjalan lancar. Setinggi-tinggi penghargaan dan doa jazakumullahu khairan kathiro juga dirakamkan kepada Profesor Kehormat Dr. Abdul Ghani Kanesan atas kesudian berkongsi ilmu, tunjuk ajar dan pengalaman walaupun telah memasuki alam persaraan. Tidak lupa juga kesemua panel penilai sejak peringkat prospektus, penyemakan instrumen kajian, pembentangan usul dan praviva iaitu Prof. Madya Dr. Rahimi Che Aman yang kini turut memegang jawatan Dekan Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan, Dr. Abdul Jalil Ali yang kini telah bersara dan digantikan oleh Dr. Al-Amin Mydin yang sentiasa memberikan komen dan pandangan yang bernas untuk menambah nilai penulisan kajian ini. Malah, kejayaan menyiapkan tesis ini turut dibantu oleh semua kakitangan PPIP yang komited dan sangat membantu terutamanya En. Mohd Jaya Mohd Johan, Pn. Rohartina Razali dan En. Zamani Abdul Rahim. Hanya Allah S.W.T sahaja yang mampu membalas segala kebaikan kalian.

Tesis kedoktoran ini terhasil dengan doa, kesabaran, dorongan, sokongan dan kasih sayang daripada suami tersayang Saiffuddin Azmi, mama tercinta, Latifah Abd Jalil dan anak-anak penyejuk mata dan hati, Nur Ain Fatimah, Kholiff Solihin dan Kholiff Sobirin. Saya juga ingin merakamkan jutaan terima kasih dan penghargaan kepada seluruh ahli keluarga, sahabat daripada IPGKPP dan rakan seperjuangan di USM atas segala bimbingan dan doa. Tidak ketinggalan juga kepada komuniti tenis dan Bahasa Arab yang berperanan dalam ‘menenggelamkan’ gejala stres yang dihadapi dan seterusnya menjana inspirasi dalam penulisan tesis.

Akhir sekali, terima kasih atas kepercayaan dan segala bantuan yang telah diberikan oleh KPM atas anugerah yang sangat bermakna ini dan semua guru pelatih yang terlibat dalam kajian ini. Semoga proses penulisan tesis ini diterima sebagai ibadah dan amal soleh dalam mengharapkan keredhaan Allah S.W.T untuk mencapai kebahagiaan hakiki di dunia dan akhirat.

Kamariah binti Md Salleh

Ogos 2023

ISI KANDUNGAN

PENGHARGAAN	ii
ISI KANDUNGAN	iv
SENARAI JADUAL	x
SENARAI RAJAH	xii
SENARAI SINGKATAN	xiv
SENARAI LAMPIRAN	xvi
ABSTRAK	xvii
ABSTRACT	xix
BAB 1 PENGENALAN	1
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	3
1.2.1 Stres dalam kalangan guru pelatih IPGM	4
1.2.2 Kepimpinan <i>Servant</i>	6
1.2.3 Kecerdasan Emosi	8
1.2.4 Penglibatan dalam aktiviti Ekstrakurikulum	10
1.3 Pernyataan Masalah	11
1.4 Objektif Kajian	13
1.5 Soalan Kajian	14
1.6 Hipotesis Kajian	15
1.7 Kerangka Konseptual Kajian	16
1.8 Rasional Kajian	18
1.9 Kepentingan Kajian	19
1.9.1 Aspek Teoritikal dan Empirikal	19
1.9.2 Aspek Metodologikal	20
1.9.3 Aspek Aplikasi Praktikal	21
1.10 Definisi Operasional	22
1.10.1 Kepimpinan <i>Servant</i>	22
1.10.2 Stres	24
1.10.3 Kecerdasan Emosi	25

	1.10.4	Ekstrakurikulum	27
1.11		Batasan Kajian	27
1.12		Rumusan	28
BAB 2 SOROTAN LITERATUR			30
2.1		Pendahuluan	30
2.2		Konteks Kajian	30
	2.2.1	Guru Pelatih	31
	2.2.2	Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM)	31
	2.2.3	Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP)	32
	2.2.4	Praktikum	32
	2.2.5	Guru Pembimbing	33
	2.2.6	Ekstrakurikulum	34
2.3		Pendekatan Teori	37
	2.3.1	Teori Pembelajaran Sosial	37
		2.3.1(a) Perhatian (<i>Attention</i>)	39
		2.3.1(b) Pengekalan (<i>Retention</i>)	40
		2.3.1(c) Reproduksi tingkah laku	41
		2.3.1(d) Motivasi dan pengukuhan	41
	2.3.2	Teori Kepimpinan <i>Servant</i>	42
	2.3.3	Teori Kecerdasan Emosi	44
	2.3.4	Teori <i>Grit</i>	44
	2.3.5	Teori Stres	49
		2.3.5(a) Teori Stres Sistemik	49
		2.3.5(b) Teori Stres Psikologikal	50
	2.3.6	Kerangka Teoritikal	53
2.4		Konsep Sokongan	55
	2.4.1	Model Spears (1995)	55
	2.4.2	Model Barbuto dan Wheeler (2002)	57
	2.4.3	Model Liden et al. (2008)	57
	2.4.4	Model Salovey dan Mayer (1990)	61
	2.4.5	Model Bar-On (1997)	64

2.4.6	Model Gabungan Goleman (1995)	66
2.4.7	Model Stres Guru Boyle et al. (1995)	68
2.4.8	Model Stres Kerja Guru Kyriacou dan Sutcliffe	71
2.4.7	Kerangka Kajian	76
2.5	Jurang Literatur	76
2.6	Sorotan Literatur	80
2.6.1	Kajian Lepas Stres Guru Pelatih	80
2.6.2	Kajian Lepas Hubungan antara Kepimpinan <i>Servant</i> dengan Stres	89
2.6.3	Kajian Lepas Hubungan antara Kepimpinan <i>Servant</i> dengan Kecerdasan Emosi	93
2.6.4	Kajian Lepas Hubungan antara Kecerdasan Emosi dengan Stres	97
2.6.5	Kajian Lepas Kesan Mediator terhadap Hubungan antara Kepimpinan <i>Servant</i> dengan Stres	100
2.6.6	Kajian Lepas Hubungan antara Penglibatan dalam aktiviti Ekstrakurikulum dengan Stres	103
2.7	Rumusan	108
BAB 3 METODOLOGI KAJIAN		109
3.1	Pendahuluan	109
3.2	Falsafah Penyelidikan	109
3.3	Reka Bentuk Kajian	110
3.4	Variabel Kajian	111
3.4.1	Variabel Endogen	111
3.4.2	Variabel Eksogen	111
3.4.3	Mediator	112
3.4.4	Moderator	112
3.5	Populasi Kajian	112
3.6	Sampel Kajian	113
3.6.1	Saiz Sampel	114
3.6.2	Teknik Persampelan	117

3.6.3	Proses Persampelan	118
3.7	Instrumen Kajian	118
3.7.1	Instrumen Bahagian B: Kepimpinan <i>Servant</i>	119
3.7.2	Instrumen Bahagian C: Stres Guru Pelatih PISMP	120
3.7.3	Instrumen Bahagian D: Kecerdasan Emosi	123
3.7.4	Instrumen Bahagian E: Aktiviti Ekstrakurikulum	124
3.8	Kesahan dan Kebolehpercayaan Instrumen	126
3.8.1	Kesahan Kandungan	126
3.8.2	Kesahan Muka	127
3.8.3	Kesahan Konstruk	128
3.8.4	Kebolehpercayaan	130
3.9	Prosedur Pengumpulan Data	132
3.10	Kajian Rintis: Praujian dan Ujian Rintis	134
3.10.1	Analisis Data Tidak Lengkap (<i>Missing Data</i>)	135
3.10.2	Data <i>Straight Lining</i>	136
3.10.3	Analisis Data Terpencil (<i>Outliers</i>)	136
3.10.4	Taburan Data	136
3.10.5	Kesahan dan Kebolehpercayaan (Model Pengukuran)	137
3.11	Prosedur Analisis Data Kajian	148
3.11.1	Statistik Deskriptif	148
3.11.2	Model Persamaan Berstruktur (<i>Structural Equation Modelling</i>)	148
3.12	Rumusan	164
BAB 4 DAPATAN KAJIAN		166
4.1	Pendahuluan	166
4.2	Analisis Penapisan Data (<i>Data Screening</i>)	166
4.2.1	Analisis Data Tidak Lengkap (<i>Missing Data</i>)	167
4.2.2	Data <i>Straight Lining</i>	167
4.2.3	Analisis Data Terpencil (<i>Outliers</i>)	167
4.3	Analisis Ujian Multivariat	168
4.3.1	Ujian Kenormalan Data	169

4.3.2	Ujian Kelinearan Data	169
4.3.3	Ujian <i>Homoscedasticity</i>	170
4.4	Analisis <i>Common Method Variance</i>	171
4.5	Analisis Deskriptif	173
4.5.1	Demografi	174
4.5.2	Variabel Kajian	176
4.6	Analisis Inferens	178
4.6.1	Penilaian Model Pengukuran	179
4.6.2	Penilaian Model Struktural	193
4.7	Analisis Peta Kepentingan-Prestasi (<i>IPMA</i>)	205
4.8	Rumusan	209
BAB 5 PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN		211
5.1	Pendahuluan	211
5.2	Ringkasan Keseluruhan Kajian	211
5.3	Perbincangan Penemuan Kajian	213
5.3.1	Perbincangan Dapatan Tahap Kepimpinan <i>Servant</i> Guru Pembimbing	213
5.3.2	Perbincangan Dapatan Tahap Stres Guru Pelatih Semester Tujuh dalam Fasa Praktikum	215
5.3.3	Perbincangan Dapatan Tahap Kecerdasan Emosi Guru Pelatih Semester Tujuh dalam Fasa Praktikum	216
5.3.4	Perbincangan Dapatan Tahap Penglibatan dalam Aktiviti Ekstrakurikulum Guru Pelatih Sermester Tujuh dalam Fasa Praktikum	218
5.3.5	Pengaruh Kepimpinan <i>Servant</i> Guru Pembimbing terhadap Stres Guru Pelatih Semester Tujuh dalam Fasa Praktikum	219
5.3.6	Pengaruh Kepimpinan <i>Servant</i> Guru Pembimbing terhadap Kecerdasan Emosi Guru Pelatih Semester Tujuh dalam Fasa Praktikum	222
5.3.7	Pengaruh Kecerdasan Emosi terhadap Stres Guru Pelatih Semester Tujuh dalam Fasa Praktikum	225
5.3.8	Peranan Kecerdasan Emosi sebagai Mediator terhadap Hubungan Kepimpinan <i>Servant</i> Guru Pembimbing dengan Stres Guru Pelatih Semester Tujuh dalam Fasa Praktikum	226
5.3.9	Peranan Penglibatan dalam Aktiviti Ekstrakurikulum sebagai Moderator terhadap Hubungan Kepimpinan <i>Servant</i>	

	Guru Pembimbing dengan Stres Guru Pelatih Semester Tujuh dalam Fasa Praktikum	229
5.4	Implikasi Kajian	230
	5.4.1 Perspektif Teoritikal	231
	5.4.2 Perspektif Metodologikal	233
	5.4.3 Perspektif Praktikal	235
5.5	Cadangan Kajian Lanjutan	237
	RUJUKAN	242
	LAMPIRAN	

SENARAI JADUAL

		Halaman
Jadual 3.1	Populasi Kajian	113
Jadual 3.2	Sampel Kajian (Guru Pelatih PISMP Semester 7)	117
Jadual 3.3	Perincian Instrumen <i>Servant Leadership Measures (SL-28)</i>	120
Jadual 3.4	Intepretasi Skor Min (Skala Likert 1-7)	120
Jadual 3.5	Perincian Instrumen <i>Perceived Stress Scale (PSS)</i>	122
Jadual 3.6	Intepretasi Skor Min (Skala Likert 0-4)	122
Jadual 3.7	Perincian Instrumen <i>Self Report EI Test (SREIT)</i>	123
Jadual 3.8	Intepretasi Skor Min (Skala Likert 1-5)	124
Jadual 3.9	Ringkasan Instrumen Kajian	125
Jadual 3.10	Min Pengesahan Pakar	127
Jadual 3.11	Rumusan Indeks untuk untuk Analisis Model Pengukuran <i>PLS-SEM</i>	130
Jadual 3.12	Analisis Kenormalan <i>Skewness</i> dan <i>Kurtosis</i> Mardia.....	137
Jadual 3.13	Nilai <i>Cronbach Alpha</i> dan <i>CR</i> bagi Penilaian Kebolehpercayaan Konstruk	140
Jadual 3.14	Nilai <i>Outer Loading (OL)</i> Item Reflektif	142
Jadual 3.15	Nilai <i>Average Variance Extracted (AVE)</i> Konstruk Reflektif ..	143
Jadual 3.16	Nilai <i>Heterotrait-Monotrait (HTMT)</i> Konstruk Reflektif	145
Jadual 3.17	Kesahan Konstruk Formatif <i>HOC</i>	146
Jadual 3.18	Kesahan Konstruk Formatif <i>HOC (Nilai VIF)</i>	147
Jadual 3.19	Perbandingan antara <i>PLS-SEM</i> dengan <i>CB-SEM</i>	153
Jadual 3.20	Teknik Analisis Data	164

Jadual 4.1	Pengesanan data Multivariat <i>Outliers</i>	168
Jadual 4.2	Analisis Kenormalan <i>Skewness</i> dan <i>Kurtosis</i> Mardia	169
Jadual 4.3	Maklumat Demografi Responden	174
Jadual 4.4	Statistik Deskriptif Variabel Kajian	178
Jadual 4.5	Nilai <i>Cronbach Alpha</i> dan <i>CR</i> bagi Penilaian Kebolehpercayaan Konstruk	181
Jadual 4.6	Nilai <i>Average Variance Extracted (AVE)</i> Konstruk Reflektif ..	186
Jadual 4.7	Nilai <i>Heterotait-Monotrait (HTMT)</i> Konstruk dan Variabel Reflektif	187
Jadual 4.8	Kesahan Konstruk Formatif <i>HOC</i> (Nilai <i>VIF</i>)	191
Jadual 4.9	Kesahan Konstruk Formatif <i>HOC</i>	192
Jadual 4.10	Nilai <i>VIF</i> antara Variabel	194
Jadual 4.11	Pengujian Hipotesis Kajian $H_{a1} - H_{a3}$	195
Jadual 4.12	Kesan Tidak Langsung (<i>Indirect Effect</i>).....	199
Jadual 4.13	Pengaruh Moderator	200
Jadual 4.14	Penilaian Pekali Penentuan (R^2)	201
Jadual 4.15	Penilaian Saiz Kesan (f^2)	202
Jadual 4.16	Penilaian <i>Predictive Relevance (Q²)</i>	203
Jadual 4.17	Saiz Kesan q^2	204
Jadual 4.18	Keputusan <i>IPMA</i> terhadap Stres Guru Pelatih Semester Tujuh dalam Fasa Praktikum	208
Jadual 4.19	Rumusan Dapatan Pengujian Hipotesis	208

SENARAI RAJAH

		Halaman
Rajah 1.1	Kerangka Konseptual Kajian	18
Rajah 2.1	Determinisme Timbal Balik Bandura (1977)	39
Rajah 2.2	Model Kecerdasan Emosi (Salovey and Mayer, 1990)	62
Rajah 2.3	Model Stres (Kyriacou & Sutcliffe, 1978)	72
Rajah 3.1	Penentuan Saiz Sampel Minimum Program <i>G*Power</i>	116
Rajah 3.2	Prosedur Pengumpulan Data Kajian	134
Rajah 4.1	Plot Sebaran Skor dan Residual	170
Rajah 4.2	Plot Sebaran Skor yang diramalkan dengan Nilai <i>Regression</i> <i>Standardized Residual</i> bagi Variabel Stres	171
Rajah 4.3	Nilai <i>Outer Loading (OL)</i> Item Kepimpinan <i>Servant</i>	183
Rajah 4.4	Nilai <i>Outer Loading (OL)</i> Item Kecerdasan Emosi	184
Rajah 4.5	Nilai <i>Outer Loading (OL)</i> Item Stres dan Aktiviti Ekstrakurikulum	185
Rajah 4.6	Nilai Pekali Laluan Analisis <i>Redundancy</i> (Kepimpinan <i>Servant</i>)	189
Rajah 4.7	Nilai Pekali Laluan Analisis <i>Redundancy</i> (Kecerdasan Emosi)	190
Rajah 4.8	Model Struktural Kajian (Nilai pekali Koefisien Beta dan Nilai <i>t</i>)	197
Rajah 4.9	Model Struktural Kajian (Nilai pekali Koefisien Beta dan Nilai <i>p</i>)	198
Rajah 4.10	Carta Alir Model Struktural <i>HCM</i>	205

Rajah 4.11	<i>IPMA</i> Variabel Kajian terhadap Stres Guru Pelatih Semester Tujuh dalam Fasa Praktikum	206
Rajah 5.1	Model Kajian	233

SENARAI SINGKATAN

<i>AI</i>	<i>Artificial Intelligence</i>
<i>AVE</i>	<i>Average Variance Extracted</i>
BBM	Bahan Bantu Mengajar
CFA	Analisis Faktor Konfirmatori
<i>CI</i>	<i>Confidence Intervals</i> (Selang Keyakinan)
<i>CR</i>	<i>Composite Reliability</i>
DSKP	Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran
<i>EFA</i>	Analisis Faktor Eksploratori
FPK	Falsafah Pendidikan Kebangsaan
<i>GAS</i>	<i>General Adaptation Syndrome</i>
<i>HTMT</i>	<i>Heterotrait-Monotrait Ratio Test</i>
<i>HOC</i>	<i>Higher Order Component</i>
<i>IPH</i>	<i>Institute for Public Health</i>
IPG	Institut Pendidikan Guru
IPGK	Institut Pendidikan Guru Kampus
IPGM	Institut Pendidikan Guru Malaysia
JEPeM	Jawatankuasa Etika Penyelidikan Manusia USM
JPN	Jabatan Pendidikan Negeri
JRM	Jurnal Reflektif Mingguan
KKM	Kementerian Kesihatan Malaysia
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
LDP	Latihan Dalam Perkhidmatan
<i>LOC</i>	<i>Lower Order Component</i>
<i>OL</i>	<i>Outer Loading</i>

PBS	Pengalaman Berasaskan Sekolah
PdPc	Pembelajaran dan Pemudahcaraan
PISMP	Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan Dengan Kepujian
<i>PLS-SEM</i>	<i>Partial Least Square Structural Equation Modelling</i>
PPD	Pejabat Pendidikan Daerah
PPISMP	Program Persediaan Ijazah Sarjana Muda Perguruan
PPPM	Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia
<i>PSS</i>	<i>Perceived Stress Scale</i>
RPH	Rancangan Pengajaran Harian
RPM	Rekod Persediaan Mengajar
<i>SL-28</i>	<i>Servant Leadership Measures</i>
<i>SREIT</i>	<i>Self-Report Emotional Intelligence Test</i>
<i>SPSS</i>	<i>Statistical Package for the Social Science</i>
USM	Universiti Sains Malaysia
WHO	<i>World Health Organisation</i>

SENARAI LAMPIRAN

LAMPIRAN A	Pengesahan Status Pelajar
LAMPIRAN B	Borang Soal Selidik
LAMPIRAN C	Pengesahan Pakar (Bahasa - Terjemahan)
LAMPIRAN D	Pengesahan Pakar (Item Borang Soal Selidik)
LAMPIRAN E	Surat Kelulusan Bersyarat ERAS
LAMPIRAN F	Surat Kelulusan Etika USM/JEPeM/20110538
LAMPIRAN G	Jadual <i>Mardia's Multivariate Skewness and Kurtosis</i>

**PENGARUH KECERDASAN EMOSI SEBAGAI MEDIATOR TERHADAP
HUBUNGAN ANTARA KEPIMPINAN *SERVANT* GURU PEMBIMBING
DENGAN STRES GURU PELATIH**

ABSTRAK

Gandingan Kecerdasan Emosi guru pelatih dengan Kepimpinan *Servant* guru pembimbing merupakan antara elemen yang utama dalam inisiatif menangani stres guru pelatih semester tujuh yang sedang berpraktikum. Dalam senario era sejagat yang berhadapan dengan isu kesihatan mental yang agak kritikal, kajian ini telah mengupas isu stres guru pelatih dan seterusnya mencadangkan satu Model Persamaan Struktural *PLS* untuk mengatasi stres yang dihadapi oleh guru pelatih amnya dan guru pelatih IPGM secara khusus. Kerangka konsep kajian telah dibentuk berasaskan beberapa teori dan model untuk mengkaji hubungan antara Kepimpinan *Servant* guru pembimbing, Kecerdasan Emosi guru pelatih semester tujuh dan stres guru pelatih semester tujuh yang sedang menjalani praktikum Fasa Dua. Kecerdasan Emosi telah dicadangkan sebagai mediator dalam model *HCM PLS-SEM* ini. Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif dan reka bentuk tinjauan keratan rentas yang melibatkan empat instrumen iaitu soal selidik Kepimpinan *Servant*, Kecerdasan Emosi, ekstrakurikulum dan stres. Kajian deskriptif ini telah dijalankan di enam IPGM Kampus Utara dan Tengah yang melibatkan 373 guru pelatih yang dipilih menerusi teknik persampelan rawak berstrata. Data telah dianalisis menggunakan teknik *PLS-SEM*. Antara sumbangan utama kajian ini ialah daripada aspek metodologikal iaitu penggunaan *Hierarchical Component Model (HCM)* untuk meneliti dua variabel peramal multidimensi iaitu Kepimpinan *Servant* yang

mempunyai tujuh konstruk dan empat konstruk bagi Kecerdasan Emosi. Selain itu, kedua-dua variabel peramal dalam kajian ini mempunyai kerelevanan ramalan terhadap variabel endogen berdasarkan nilai Q^2 yang melebihi nilai sifar. Malah, hasil kajian juga mendapati Kecerdasan Emosi berperanan sebagai mediator kepada hubungan antara Kepimpinan *Servant* guru pembimbing dengan stres guru pelatih semester tujuh yang sedang berpraktikum. Di samping itu, kajian ini turut menyumbangkan dapatan terkini yang menarik kerana telah membuktikan bahawa selain berperanan sebagai peramal kepada Kepimpinan *Servant* dan mediator terhadap hubungan antara Kepimpinan *Servant* dan stres, Kecerdasan Emosi juga turut mempunyai fungsi sebagai *outcome* kepada Kepimpinan *Servant*. Justeru, penerapan elemen-elemen Model struktural ini diharap mampu memberi sumbangan kepada guru pelatih untuk dijadikan nilai tambah dalam program latihan guru praperkhidmatan dan guru dalam perkhidmatan terutamanya daripada aspek kesejahteraan mental warga pendidik.

**INFLUENCE OF EMOTIONAL INTELLIGENCE AS A MEDIATOR ON THE
RELATIONSHIP BETWEEN SUPERVISING TEACHERS' SERVANT
LEADERSHIP AND TRAINEE TEACHERS' STRESS**

ABSTRACT

Combining the Emotional Intelligence of trainee teachers and the mentor teachers' Servant Leadership are among the main elements in dealing with the stress of seventh-semester trainee teachers during practicum. As mental health issue has been a global scenario, this study intends to examine the stress issue of trainee teachers and propose a PLS Structural Equation Model to overcome the stress faced by trainee teachers in general and IPGM trainee teachers particularly. The conceptual framework is based on several theories and models to examine the relationship between Servant Leadership of mentor teachers, Emotional Intelligence and stress of seventh-semester trainee teachers who were undergoing practicum (Phase Two). Emotional Intelligence has been proposed as a mediator in this HCM PLS-SEM Model. Four instruments, which are the Servant Leadership, Emotional Intelligence, extracurricular, and stress questionnaires were utilised in this study's quantitative approach and cross-sectional survey design. 373 trainee teachers who were chosen using a stratified random sampling technique participated in this descriptive study, which was conducted in six IPGM North and Central Campus. The PLS-SEM approach was used to analyse the data. Among the main contributions is from the methodological aspect which is the use of the Hierarchical Component Model (HCM) to examine two multidimensional predictor variables namely Servant Leadership which has seven constructs and four constructs for Emotional Intelligence.

Furthermore, both predictor variables in this study have predictive relevance to endogenous variables based on Q2 values that exceed the zero value. The study's findings revealed that Emotional Intelligence acts as a mediator in the relationship between mentor teachers' Servant Leadership and the stress of seventh-semester trainee teachers in their practicum. Importantly, this study contributed fascinating current results by establishing that, in addition to functioning as a predictor of Servant Leadership and a mediator of the relationship between Servant Leadership and stress, Emotional Intelligence also serves as an outcome for Servant Leadership. Therefore, the application of the elements of this structural model is expected to be able to contribute to trainee teachers in enhancing the pre-service teacher training programmes and in-service teachers, specifically in terms of educators' mental well-being.

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Bab ini membincangkan tentang latar belakang kajian, pernyataan masalah, objektif, soalan dan hipotesis kajian, di samping elemen kerangka konseptual kajian, rasional kajian, kepentingan kajian, definisi operasional, batasan kajian serta diakhiri dengan rumusan Bab 1.

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah merancang dan melancarkan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 untuk merealisasikan matlamat transformasi pendidikan negara dalam usaha mendukung hasrat Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) untuk pendidikan seimbang sebagai asas aspirasi setiap murid. Selaras dengan itu, anjakan keempat dalam PPPM 2013-2025 iaitu inisiatif untuk meningkatkan kualiti guru telah dilaksanakan dalam usaha memartabatkan profesion keguruan (KPM, 2013) demi memastikan keberhasilan murid meningkat. Namun begitu, isu fenomena stres dalam profesion keguruan yang sememangnya diakui secara global sejak beberapa dekad yang lalu (Alhija, 2015; Borg, 1990; Balakrishnan et al., 2017; McLean et al., 2020; Travers & Cooper, 1993; Wu et al., 2020) semakin meruncing. Kecerdasan Emosi atau *Emotional Intelligence* telah menjadi salah satu elemen utama dalam landskap pendidikan yang menyumbang kepada faktor kesejahteraan psikologi guru yang seterusnya memberi impak yang positif terhadap proses pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPc) (Molero et al., 2019) yang bakal memberikan nilai tambah kepada generasi akan datang. Di samping itu, sektor pendidikan juga memerlukan transformasi gaya kepimpinan yang

berorientasikan prestasi dan bertunjangkan etika tanpa mengabaikan kebajikan subordinat dalam organisasi kontemporari.

Dalam konteks profesion keguruan, secara idealnya, guru yang cemerlang seharusnya memiliki keseimbangan daripada sudut kecerdasan fizikal, intelek, sosial dan emosi untuk menghadapi cabaran dan dugaan dalam landskap pendidikan abad ke-21 yang sentiasa dinamik dengan perubahan dan penambahbaikan. Kriteria ini perlu demi merealisasikan generasi Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri untuk berupaya menyumbang terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara. Guru pelatih yang bakal ditempatkan di sekolah rendah adalah sangat sinonim kerana faktor interaksi pada peringkat pembentukan konsep kanak-kanak dan bakal menggalas tanggungjawab sebagai agen transformasi pendidikan yang kompeten dan berkualiti melalui anjakan keempat dalam PPPM 2013-2025 (KPM, 2013). Namun, guru pelatih turut menerima tempias fenomena stres yang melanda profesion keguruan dan turut terkesan meski pun masih berada dalam fasa dalam latihan, terutamanya dalam fasa praktikum (Ngui & Lay, 2019; 2020; Zhu, 2017).

Justeru, KPM perlu memberi perhatian dan mengambil inisiatif untuk merangka program yang menggarap elemen kepimpinan dan kemahiran yang dinyatakan di atas terutama dalam bidang yang berorientasikan perkhidmatan seperti profesion keguruan. Sejajar dengan Zhu (2017), langkah proaktif ini dapat membantu membina identiti profesional yang koheren sebagai guru yang efektif di dalam dan di luar bilik darjah bukan sahaja untuk guru dalam perkhidmatan malah bertindak sebagai persediaan untuk guru pelatih yang bakal mengambil tanggungjawab membimbing generasi akan datang untuk kekal relevan dalam abad ke-21 ini.

1.2 Latar Belakang Kajian

Peningkatan gejala gangguan mental seperti kemurungan dan kebimbangan (*anxiety*) secara global telah membuka mata dunia dan menarik perhatian pelbagai pihak. Dianggarkan 4.4 peratus daripada populasi global mengalami masalah kemurungan, dan 3.6 peratus pula dilanda gangguan kebimbangan (*World Health Organization [WHO], 2017*). Malaysia juga tidak terkecuali dengan laporan statistik daripada *Institute for Public Health (IPH)* (2018) bahawa dua daripada lima belia di Malaysia menderita sebagai akibat kebimbangan. Justeru, masalah kesihatan mental menyumbang perkadaran yang besar kepada masalah kesihatan di kebanyakan negara dan dalam kalangan rakyat Malaysia yang membawa implikasi terhadap produktiviti, pembangunan dan ekonomi negara (Mohd Faizul Hassan et al., 2018).

Stres merupakan fenomena yang biasa dalam kehidupan seharian manusia. Kadar stres yang terkawal kadang kala diperlukan untuk menghasilkan impak yang dapat memberikan manfaat kepada individu. Namun, stres yang melampau, tidak terkawal dan berpanjangan akan mengakibatkan tindak balas psikologikal negatif yang mengganggu kesejahteraan mental dan fizikal seseorang individu. Antara gejala yang terhasil daripada stres ialah kebimbangan, kemurungan dan fenomena bunuh diri.

Lazarus dan Folkman (1984) mentakrifkan stres sebagai hubungan antara seseorang individu dengan persekitarannya yang membawa impak negatif dalam aspek emosi yang berpotensi untuk memudaratkan kesihatan mental dan fizikal. Stres yang gagal ditangani dengan sewajarnya berpotensi untuk mempengaruhi kesihatan mental (Boro, 2017).

1.2.1 Stres dalam kalangan guru pelatih Institut Pendidikan Guru Malaysia

Landskap pendidikan sentiasa bersifat dinamik dengan pelbagai transformasi yang berlaku mengikut peredaran dan keperluan semasa. Malaysia juga tidak terkecuali dengan fenomena transformasi pendidikan. Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM) telah diberi kepercayaan dan mandat untuk merealisasikan Program Pendidikan Keguruan Praperkhidmatan dan Dalam Perkhidmatan seperti yang telah termaktub dalam Akta Pendidikan 1996. Seajar dengan itu, tuntutan semasa yang semakin mencabar serta kenaikan taraf IPGM sebagai sebuah Institut Pendidikan Tinggi Awam (IPTA) memerlukan IPGM memenuhi pelbagai keperluan (Amin Senin, 2011). Justeru, IPGM perlu berperanan mengubah paradigma dalam melahirkan modal insan berkualiti tinggi untuk mencapai hasrat FPK (Amin Senin, 2011).

Gardner (2010) berpendapat bahawa guru pelatih menghadapi stres yang tinggi. Guru pelatih di IPGM juga terkesan dengan pelbagai perubahan kehidupan dan persekitaran yang menjadi faktor bebanan dalam usaha menangani kesibukan aktiviti pembelajaran dan pelbagai isu penyesuaian diri. Menurut Deasy et al. (2016), guru pelatih di institut pendidikan guru menghadapi stres sebagai akibat pelbagai faktor seperti pengajian ijazah keguruan (beban tugas, penilaian, peperiksaan), praktikum (lawatan pensyarah penyelia, pengurusan tingkah laku, beban kerja, jangkaan yang melampaui kebolehan dan kekurangan sokongan), di samping tekanan kewangan dan aspek sosial yang lain. Malah, fenomena stres ini menjadi semakin serius dan dibuktikan dengan peningkatan kes stres dan kemurungan dalam kalangan guru pelatih di 27 buah kampus di seluruh Malaysia (Mohamad Faizel Ali & Nor Shafrin Ahmad, 2020).

Menurut Gustems-Carnicer et al. (2019), guru pelatih menghadapi stres yang tinggi pada tahun pertama terutama pada semester yang pertama. Manakala, Kokkinos dan Stavropoulos (2014) memperihalkan tentang pengalaman semasa praktikum menyumbang kepada stres dan seterusnya memberi impak negatif terhadap kesejahteraan guru pelatih. Abdul Latib Abdul Rahman et al. (2020), Ngui dan Lay (2020) serta Hasnah Awang (2016) turut memberi sumbangan dalam memperkayakan literatur kajian tempatan yang mendapati stres dalam kalangan guru pelatih khususnya semasa menjalani praktikum semakin bertambah dan wajar ditangani dengan kadar segera. Mekanisme pengurusan stres dalam kalangan guru pelatih adalah signifikan bukan sahaja semasa pengajian tetapi akan dapat dimanfaatkan ketika berkhidmat sebagai pendidik di sekolah. Kegagalan mengawal keadaan emosi, pemikiran dan tingkah laku dalam menghadapi stres yang melampau akibat beban pembelajaran dan persekitaran terdedah kepada risiko kecelaruan mental yang serius dan kemungkinan berakhir dengan penyakit psikosomatik (Syed Ismail Syed Mustapa & Lye, 2016).

Walaupun terdapat literatur yang menunjukkan bahawa simptom stres akan berulang dalam perkhidmatan (Lindqvist et al., 2017), mengapakah inisiatif untuk mengenal pasti petanda stres dan mekanisme kekangan dan kawalan seperti prosedur, teknik dan strategi untuk menghadapi situasi berkenaan masih tidak dititikberatkan (Gustems-Carnicer & Calderón, 2013)? Ngui dan Lay (2020) menyuarakan kebimbangan dalam kekurangan literatur terutamanya dalam konteks stres semasa praktikum dalam kalangan guru pelatih IPGM dan menyarankan agar faktor seperti sokongan sesama guru pelatih serta guru pembimbing dan pensyarah penyelia diterokai untuk mengatasi senario ini. Kepimpinan *Servant* diperkatakan dalam sorotan literatur sebagai antara penentu kesihatan psikologikal subordinat dalam sesebuah organisasi (Rivkin et al., 2014). Baker (2009) pula menyarankan agar

hubungan antara Kepimpinan *Servant* dengan stres diteroka untuk mengatasi isu kesejahteraan dan keberkesanan individu dalam organisasi.

1.2.2 Kepimpinan *Servant*

Isu kepimpinan merupakan agenda penting dalam setiap organisasi. Pemimpin yang berkualiti menyuntik motivasi dalam kalangan subordinat dan mempunyai pengaruh dalam menggerakkan ahli dalam organisasi untuk proses pencapaian misi dan visi. Kepimpinan *Servant* merupakan paradigma kepimpinan baharu yang berpaksikan sokongan sosial dalam sektor perkhidmatan termasuk pendidikan (Wu et al., 2020). Greenleaf (1977) mendefinisikan Kepimpinan *Servant* sebagai seseorang pemimpin yang mendahulukan keperluan subordinat melebihi keperluan sendiri dan memberi fokus dan tumpuan yang tidak berbelah bahagi untuk membantu subordinat mencapai potensi diri mereka ke arah peningkatan kerjaya yang optimum dan kejayaan dalam organisasi. Kepimpinan *Servant* juga ditakrifkan sebagai gaya kepimpinan yang berpremiskan keunikan dan kebolehan individu, yang diberikan dorongan dan sokongan oleh pemimpin untuk pencapaian potensi diri sepenuhnya, melalui penglibatan komunikasi personal dengan subordinat (Liden et al., 2008).

Kepimpinan *Servant* menurut Lumpkin dan Achen (2018) membawa pengertian kepimpinan memberi keutamaan untuk melayani dan memenuhi keperluan orang lain berbanding keperluan pemimpin itu sendiri. Greenleaf (1977) membangunkan teori kepimpinan ini atas premis naluri seseorang individu yang memerlukan perkhidmatan perlu menawarkan perkhidmatan terlebih dahulu yang kemudiannya dapat memimpin sambil berkhidmat, seterusnya membentuk budaya untuk berkhidmat dalam persekitaran kerja tanpa mementingkan autonomi. Eva et al. (2019) memperluas takrifan Kepimpinan *Servant* sebagai (1) kepimpinan yang berorientasikan pendekatan yang unik (2) dimanifestasi melalui keutamaan yang

diperuntukan ke atas keperluan dan kepentingan individu dan, (3) orientasi semula keprihatinan sendiri kepada keprihatinan terhadap subordinat dalam organisasi dan komuniti yang lebih besar.

Ciri-ciri utama Kepimpinan *Servant* ialah (a) mendengar (b) empati (c) pemulihan (d) kesedaran (e) pujukan (f) konseptualisasi (g) berpandangan jauh (h) pengawasan, (i) komitmen terhadap pembangunan manusia, dan (j) pembinaan komuniti (Spears, 2002). Parris dan Peachey (2013) mempersembahkan dapatan dalam kajian literatur sistematik bahawa Kepimpinan *Servant* merupakan teori kepimpinan yang berupaya untuk membantu organisasi dengan meningkatkan tahap kesejahteraan subordinat. Namun begitu, Wu et al. (2020) turut memaparkan dapatan yang sangat menarik kerana walaupun Kepimpinan *Servant* bertindak sebagai penampan (*buffer*) terhadap stres dan kesejahteraan guru, namun ia turut menyumbang terhadap peningkatan korelasi antara stres (*hindrance stress*) dengan keletihan emosi pada masa yang sama dan mungkin telah mengabaikan variabel perantaraan (*mediator*) yang berperanan untuk mempengaruhi hubungan antara faktor-faktor stres dan keletihan emosi. Lumpkin dan Achen (2018) mengemukakan cadangan berkenaan tahap Kecerdasan Emosi yang tinggi dapat memberi kesan dalam kalangan individu yang memimpin melalui Kepimpinan *Servant* yang akan menjurus kepada peningkatan motivasi intrinsik individu dan penambahbaikan dalam aspek kompetensi dan autonomi subordinat. Justeru, kajian ini turut mengetengahkan peranan Kecerdasan Emosi sebagai mediator untuk mengkaji pengaruhnya terhadap hubungan antara Kepimpinan *Servant* dengan stres.

1.2.3 Kecerdasan Emosi

Kecerdasan Emosi merupakan kemampuan seseorang individu dalam memantau dan memahami emosi sendiri dan orang lain dengan tepat dan efektif dan seterusnya menggunakan pemahaman berkenaan untuk proses pembuatan keputusan dalam tingkah laku susulan (Mayer & Salovey, 1995). Menurut Goleman (1995), Kecerdasan Emosi merupakan peramal kejayaan yang lebih dominan daripada *Intelligence Quotient (IQ)* kerana individu yang mempunyai Kecerdasan Emosi yang tinggi mempunyai kebolehan untuk memotivasikan diri secara berterusan dalam menghadapi cabaran hidup, mengawal gerak hati dan mood sendiri untuk sentiasa berada dalam keadaan rasional dan berfikiran positif di samping berupaya untuk menunjukkan empati terhadap masalah sekeliling.

Kecerdasan Emosi boleh dibahagikan kepada tiga model utama, iaitu Model Keupayaan yang memberi tumpuan terhadap kemahiran pemprosesan maklumat emosi untuk digunakan dalam persekitaran sosial, Model Sifat yang lebih cenderung kepada tingkah laku dan kebolehan yang diukur melalui pelaporan sendiri dan Model Gabungan antara kedua-dua Model Keupayaan dan Model Sifat.

Model Keupayaan atau *Ability Model* (Mayer & Salovey, 1997) telah memperincikan lagi definisi Kecerdasan Emosi dengan menambah aspek berkaitan (a) kemampuan untuk menilai emosi (b) kemampuan mental dalam menjana persepsi terhadap emosi (c) kemampuan untuk berkomunikasi dengan subordinat dan (d) kemampuan untuk mengeksploitasi emosi dalam proses pemahaman emosi sendiri dan orang di sekeliling (Mayer & Salovey, 2008).

Model Sifat atau *Trait* lebih bersifat penilaian sendiri dan merupakan gabungan antara keupayaan bukan kognitif dengan kemahiran kompetensi diri yang mempengaruhi mekanisme penyesuaian diri dalam menghadapi tekanan dalam

persekitaran. Bar-On (2006), menegaskan bahawa Kecerdasan Emosi seseorang individu merupakan hasil lima konstruk utama, iaitu (a) intrapersonal (b) interpersonal (c) pengurusan stres (d) penyesuaian sendiri dan (e) mood umum atau *general mood*.

Model Gabungan (Goleman, 1998) meliputi penggunaan keupayaan dan personaliti atau sifat dalam mendefinisi Kecerdasan Emosi. Model gabungan ini memperihalkan lima dimensi dalam Kecerdasan Emosi, iaitu (a) kesedaran sendiri (b) kawalan sendiri (c) motivasi (d) kesedaran sosial atau empati dan (e) kemahiran sosial. Goleman (2007), menyasarkan Kecerdasan Emosi sebagai sejenis teori prestasi yang akan membuahkan produktiviti dan prestasi untuk organisasi.

Jayashree et al. (2018) menegaskan bahawa individu yang memiliki Kecerdasan Emosi yang tinggi berpotensi untuk lebih memahami diri sendiri dari sudut kekuatan, kelemahan dan keperluan diri untuk membentuk hubungan yang baik dan sihat hasil pengurusan emosi yang sesuai mengikut situasi semasa dalam kehidupan peribadi dan juga di tempat kerja. Walaupun terdapat sorotan literatur yang meluas tentang Kecerdasan Emosi, namun tiada kajian tentang hubungan variabel Kecerdasan Emosi sebagai mediator kepada Kepimpinan *Servant* terhadap stres guru pelatih semasa berpraktikum di samping peranan Kecerdasan Emosi sebagai *outcome* kepada Kepimpinan *Servant*. Hasil kajian ini memberikan nilai tambah terhadap kefahaman sebab-akibat hubungan antara Kepimpinan *Servant* dengan Kecerdasan Emosi berbanding kajian lepas yang lebih cenderung untuk meletakkan Kecerdasan Emosi sebagai anteseden terhadap Kepimpinan *Servant* (Barbuto et al., 2014; Langhof & Guldenberg, 2019) dengan hanya melaporkan hubungan korelasi secara statistik sahaja. Di samping itu, kajian ini turut menggabungkan elemen penglibatan dalam aktiviti ekstrakurikulum sebagai moderator sama ada dalam bidang sukan, muzik, seni

dan sebagainya dalam meninjau kekuatan hubungan antara Kepimpinan *Servant* dengan stres guru pelatih semester tujuh dalam fasa praktikum.

1.2.4 Penglibatan dalam aktiviti Ekstrakurikulum

Ekstrakurikulum sering kali didefinisikan dengan berbeza dan saling mencakupi atau bertindih antara institusi dengan penyelidik dalam bidang Sains Sosial (Thompson et al., 2013). Menurut Solfema et al. (2019), ekstrakurikulum merupakan aktiviti pendidikan yang dilaksanakan di luar waktu PdPc dan dijalankan mengikut keperluan untuk mengembangkan bakat, potensi serta kecenderungan pelajar melalui aktiviti yang khusus dianjurkan sama ada oleh pelajar mahu pun tenaga pengajar dalaman atau luaran yang dilantik oleh institut. Bartkus et al. (2012) dan Ringley (2017) mendefinisikan aktiviti ekstrakurikulum sebagai aktiviti sama ada berbentuk akademik dan bukan akademik yang dikelola sebagai aktiviti yang tidak termasuk dalam kurikulum standard dan tidak diberi gred dan bersifat sukarela. Di Malaysia, ekstrakurikulum ditakrifkan sebagai kegiatan sukarela yang bermanfaat pada atau di luar waktu PdPc, ke arah pembentukan peribadi yang terpuji (Lembaga Peperiksaan, 2010). Kegiatan ekstrakurikulum boleh diambil kira untuk aktiviti-aktiviti pada peringkat institut yang tidak disenaraikan dalam kegiatan sukan dan kokurikulum. Sebagai contoh, Kelab Kembara, Kelab Kebudayaan dan kelab sukan yang berteraskan minat, hobi dan sebagainya.

Thompson et al. (2013) menegaskan peri pentingnya aktiviti ekstrakurikulum dalam membantu menambah pengalaman, memperkembangkan potensi dan bakat yang terpendam, mengatasi stres serta meningkatkan keyakinan diri dan keupayaan pelajar. Ditambah dengan keunikan aktiviti ekstrakurikulum yang berstatus sukarela, aktiviti ekstrakurikulum turut dijadikan platform untuk mengasah kreativiti di samping meneguhkan aspek kemahiran komunikasi sesama rakan sebaya yang

mempunyai persamaan dalam minat dan kecenderungan. Malah penglibatan dalam aktiviti ekstrakurikulum turut berperanan sebagai faktor rangsangan terhadap perkembangan sosial, intelektual dan emosional (Narkabilova & Khujamberdiyeva, 2021; Solfema et al., 2019) yang ternyata sangat relevan dan selaras dengan FPK iaitu suatu usaha ke arah lebih memperkembangkan potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani.

Selain aspek pembentukan karakter yang seimbang (Solfema et al., 2019) dan meningkatkan kebolehpasaran pelajar (Thompson et al., 2013), terdapat pelbagai literatur dalam konteks dan lokaliti berbeza yang turut membuktikan perkaitan aktiviti ekstrakurikulum dengan kesihatan mental yang lebih baik serta mengurangkan tahap stres (Fares et al., 2015; Oberle et al., 2019; Ringley, 2017). Selain itu, Ruvalcaba et al. (2017) dan Ranasinghe et al. (2017) turut membuktikan perkaitan tentang korelasi positif antara aktiviti ekstrakurikulum dengan Kecerdasan Emosi individu. Justeru, kajian ini meneroka sama ada elemen penglibatan dalam aktiviti ekstrakurikulum memberikan impak terhadap hubungan antara Kepimpinan *Servant* guru pembimbing dengan stres guru pelatih semasa praktikum seperti yang disarankan oleh Fares et al. (2016) sebagai intervensi ketika stres.

1.3 Pernyataan Masalah

Isu kesihatan mental telah menjadi fenomena global yang semakin membimbangkan. *WHO* (2018) turut melaporkan statistik kemurungan dan bunuh diri yang semakin serius di peringkat global dan *IPH* (2018) menganggarkan 80 peratus belia di Malaysia mengalami isu kebimbangan sebagai akibat stres. Realitinya, gejala stres ini sangat sinonim dengan profesion keguruan dan guru pelatih juga tidak

terkecuali dan turut terkesan. Malah, gejala ini telah menjurus kepada kejadian bunuh diri dan peningkatan kes penangguhan dan pemberhentian guru pelatih daripada pengajian (Mohamad Faizel Ali & Nor Shafrin Ahmad, 2020).

Antara penyebab stres yang sangat dominan dalam kalangan guru pelatih ialah stres semasa praktikum. Ngui dan Lay (2020) menyimpulkan bahawa guru pelatih IPGM mengalami stres akibat harapan pemegang taruh, iaitu pensyarah penyelia, guru pembimbing, pentadbir sekolah dan murid terhadap penguasaan pelbagai pengetahuan dan kemahiran yang telah dipelajari untuk diaplikasi dalam persekitaran sekolah. Di samping itu, Ngui dan Lay (2020) turut menyarankan agar faktor seperti sokongan sesama guru pelatih, atau guru pembimbing, mahu pun pensyarah penyelia diterokai untuk mengatasi senario ini.

Memandangkan elemen kesejahteraan psikologi guru perlu dititikberatkan dalam usaha menzahirkan pendidikan yang berkesan kepada murid (Turner & Braine, 2016), keperluan untuk para guru pelatih untuk bersiap siaga dalam usaha menangani kancas stres kerja ini adalah sangat signifikan agar dapat membendung isu keletihan emosi, mental dan fizikal akibat stres kerja yang berlebihan dan berpanjangan (*burnout*) dan mengurangkan kadar peletakan jawatan guru.

Secara umumnya, Rivkin et al. (2014) dan Kaya et al. (2016) membuktikan bahawa Kepimpinan *Servant* bertindak menurunkan kadar stres. Justeru, elemen kepimpinan *Servant* guru pembimbing dikaji untuk melihat kesannya terhadap stres guru pelatih semester tujuh dalam fasa praktikum. Kajian ini bukan sahaja berupaya untuk mengayakan literatur tempatan, khususnya dalam sampel guru pelatih, malah ia berupaya untuk memberikan pemahaman yang lebih lanjut tentang hubungan antara Kepimpinan *Servant* guru pembimbing dengan kesihatan mental, iaitu stres semasa tempoh praktikum yang tidak dikupas dalam kalangan guru pelatih.

Melalui dapatan kajian lepas, faktor Kecerdasan Emosi dapat dibentuk dan dipelajari untuk menyumbang kepada penurunan dan pengawalan aspek stres terhadap seseorang individu (Jaleel & Verghis, 2017; Ranasinghe et al., 2017; Rathakrishnan et al., 2012; Supardi et al., 2016; Vesely et al., 2013).

Ditambah pula dengan dapatan Najeemah Mohd Yusof dan Nik Rosila Nik Yaacob (2012) dan Ranasinghe et al. (2017) yang menyarankan agar kajian akan datang turut melibatkan aspek aktiviti ekstrakurikulum dalam meneroka hubungan yang melibatkan stres dalam usaha meningkatkan kesejahteraan emosi dengan mekanisme yang berupaya meminimumkan kadar stres. Justeru, satu kajian yang melibatkan variabel peramal iaitu Kepimpinan *Servant* guru pembimbing, Kecerdasan Emosi sebagai mediator dan penglibatan dalam aktiviti ekstrakurikulum selaku moderator perlu dilaksanakan sebagai persediaan untuk memastikan guru pelatih IPGM akan berupaya untuk mengawal dan mengurus stres dalam fasa praktikum dan seterusnya membina jati diri guru yang positif, mempunyai resilien dan sentiasa bermotivasi dan bersemangat untuk menghadapi cabaran dan halangan semasa berkhidmat kelak. Dengan inisiatif pemeraksanaan profesion keguruan ini, ia diharapkan akan berupaya memberikan impak dalam elemen kemenjadian murid melalui Aspirasi Murid yang telah digariskan dalam PPPM 2013-2025.

1.4 Objektif Kajian

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji pengaruh variabel Kepimpinan *Servant* guru pembimbing terhadap stres guru pelatih semester tujuh dalam fasa praktikum. Kajian ini juga meneliti kepada pengaruh Kecerdasan Emosi sebagai mediator dan penglibatan dalam aktiviti ekstrakurikulum sebagai moderator terhadap hubungan Kepimpinan *Servant* guru pembimbing dengan stres guru pelatih semester tujuh

dalam fasa praktikum. Secara keseluruhan, kesemua objektif kajian telah diukur dengan menggunakan kaedah kuantitatif sepenuhnya.

1. Mengenal pasti tahap Kepimpinan *Servant* guru pembimbing, Kecerdasan Emosi, penglibatan dalam aktiviti ekstrakurikulum dan stres guru pelatih semester tujuh dalam fasa praktikum.
2. Mengkaji pengaruh Kepimpinan *Servant* guru pembimbing terhadap Kecerdasan Emosi dan stres guru pelatih semester tujuh dalam fasa praktikum.
3. Mengkaji pengaruh Kecerdasan Emosi guru pembimbing terhadap stres guru pelatih semester tujuh dalam fasa praktikum.
4. Menganalisis Kecerdasan Emosi sebagai mediator terhadap hubungan antara Kepimpinan *Servant* guru pembimbing dengan stres guru pelatih semester tujuh dalam fasa praktikum.
5. Menganalisis penglibatan dalam aktiviti ekstrakurikulum sebagai moderator terhadap hubungan antara Kepimpinan *Servant* guru pembimbing dengan stres guru pelatih semester tujuh dalam fasa praktikum.

1.5 Soalan Kajian

Berikut merupakan soalan yang telah dikupas berdasarkan objektif kajian:

1. Apakah tahap;
 - a. Kepimpinan *Servant* guru pembimbing kepada guru pelatih semester tujuh dalam fasa praktikum?
 - b. Stres guru pelatih semester tujuh dalam fasa praktikum?
 - c. Kecerdasan Emosi guru pelatih semester tujuh dalam fasa praktikum?

- d. Penglibatan dalam aktiviti ekstrakurikulum guru pelatih semester tujuh dalam fasa praktikum?
2. Adakah Kepimpinan *Servant* guru pembimbing mempunyai pengaruh yang signifikan terhadap stres guru pelatih semester tujuh dalam fasa praktikum?
3. Adakah Kepimpinan *Servant* guru pembimbing mempunyai pengaruh yang signifikan terhadap Kecerdasan Emosi guru pelatih semester tujuh dalam fasa praktikum?
4. Adakah Kecerdasan Emosi mempunyai pengaruh yang signifikan terhadap stres guru pelatih semester tujuh dalam fasa praktikum?
5. Adakah Kecerdasan Emosi sebagai mediator mempengaruhi hubungan antara Kepimpinan *Servant* guru pembimbing dengan stres guru pelatih semester tujuh dalam fasa praktikum?
6. Adakah penglibatan dalam aktiviti ekstrakurikulum sebagai moderator mempengaruhi hubungan antara Kepimpinan *Servant* guru pembimbing dengan stres guru pelatih semester tujuh dalam fasa praktikum?

1.6 Hipotesis Kajian

Berdasarkan objektif dan soalan kajian yang telah dikemukakan, himpunan hipotesis alternatif berikut telah diuji secara statistik.

- H_{a1} Kepimpinan *Servant* guru pembimbing mempunyai pengaruh yang signifikan terhadap stres guru pelatih semester tujuh dalam fasa praktikum.
- H_{a2} Kepimpinan *Servant* guru pembimbing mempunyai pengaruh yang signifikan terhadap Kecerdasan Emosi guru pelatih semester tujuh dalam fasa praktikum.

- H_{a3}* Kecerdasan Emosi mempunyai pengaruh yang signifikan terhadap stres guru pelatih semester tujuh dalam fasa praktikum.
- H_{a4}* Kecerdasan Emosi sebagai mediator mempengaruhi hubungan antara Kepimpinan *Servant* guru pembimbing dengan stres guru pelatih semester tujuh dalam fasa praktikum.
- H_{a5}* Penglibatan dalam aktiviti ekstrakurikulum sebagai moderator mempengaruhi hubungan antara Kepimpinan *Servant* guru pembimbing dengan stres guru pelatih semester tujuh dalam fasa praktikum.

1.7 Kerangka Konseptual Kajian

Berdasarkan semakan kajian lepas, kerangka konseptual kajian dibangunkan dengan meneroka hubungan antara model Kepimpinan *Servant* yang bertindak sebagai variabel bebas, model Kecerdasan Emosi sebagai mediator, penglibatan dalam aktiviti ekstrakurikulum selaku moderator dengan variabel tidak bersandar iaitu stres guru pelatih semasa praktikum, seperti ditunjukkan dalam Rajah 1.1. Model ini dibina berasaskan Model Liden et al. (2008) untuk Kepimpinan *Servant*, yang merangkumi tujuh dimensi iaitu Kemahiran Konseptual, Pengupayaan, Pembangunan Potensi, Utamakan Subordinat, Etika, Pemulihan Emosi dan Nilai Komuniti.

Selaras dengan Anjakan ke-4 dalam PPPM 2013-2025 untuk memartabatkan profesion keguruan ke arah usaha melahirkan guru yang berkualiti untuk merangsang kualiti sistem pendidikan negara (KPM, 2013), Langhof dan Guldenberg (2019) mencadangkan antara aspek kajian yang boleh diterokai ialah pengaruh Kepimpinan *Servant* terhadap faktor kesihatan. Rivkin et al. (2014) mendapati terdapat hubungan yang negatif antara Kepimpinan *Servant* dengan faktor ketegangan dan menegaskan


faktor kesihatan mental ini perlu dikaji dengan lebih terperinci untuk meneliti hubungan antara Kepimpinan *Servant* dengan stres. Justeru, faktor kesihatan mental, iaitu stres praktikum guru pelatih merupakan lompang kajian yang merupakan faktor yang perlu dikaji untuk memantapkan jati diri dan kompetensi guru pelatih. Manakala untuk variabel Kecerdasan Emosi, Model Kecerdasan Emosi (Salovey & Mayer, 1990) yang telah diadaptasikan semula oleh Schutte et al. (1998) dipilih untuk digunakan dalam kajian ini. Pembentukan model ini melibatkan empat kelompok yang terdiri daripada Kawalan Mood, Penilaian Emosi, Penggunaan Emosi dan Kemahiran Sosial.

Kajian ini juga melihat sama ada Kepimpinan *Servant* guru pembimbing mempunyai pengaruh secara langsung terhadap Kecerdasan Emosi dan stres guru pelatih semester tujuh semasa praktikum, di samping mengkaji pengaruh secara langsung Kecerdasan Emosi terhadap stres guru pelatih semester tujuh dalam fasa praktikum. Selain itu, kajian ini juga menganalisis Kecerdasan Emosi sebagai mediator dalam hubungan antara Kepimpinan *Servant* dengan stres guru pelatih semester tujuh dalam fasa praktikum.

Akhir sekali, kajian ini turut meneliti sama ada penglibatan dalam aktiviti ekstrakurikulum sebagai moderator berupaya untuk mempengaruhi hubungan antara Kepimpinan *Servant* dengan stres yang dijangka dalam kalangan guru pelatih semester tujuh semasa praktikum. Pembentukan model ini telah memberikan pencerahan untuk mengenal pasti dimensi tertentu dalam variabel bebas dan mediator serta peranan moderator dalam menangani stres guru pelatih semasa praktikum.

Rajah 1.1

Kerangka Konseptual Kajian



1.8 Rasional Kajian

Sejajar dengan misi IPGM untuk melahirkan guru yang kompeten, berjiwa pendidik dan berdaya saing pada peringkat antarabangsa melalui program perguruan yang sentiasa menerima penambahbaikan secara berkala, guru pelatih dalam Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan dengan kepujian (PISMP) sentiasa terdedah dengan persekitaran yang dinamik dan mencabar yang memerlukan daya imbang yang tinggi. Hakikatnya, guru pelatih PISMP sememangnya berpotensi untuk terjerumus dalam kondisi yang menjurus kepada stres sepanjang tempoh pengajian di IPG. Antara punca stres meliputi aspek persekitaran dan pengurusan masa di IPG, hubungan

interpersonal dengan rakan sepengajian dan pensyarah, isu yang berkaitan dengan akademik, selain faktor kewangan dan kesihatan mental dan fizikal (Hasnah Awang, 2016).

Fenomena stres ini dibuktikan dengan peningkatan kes stres dan kemurungan dalam kalangan guru pelatih di 27 kampus di seluruh Malaysia (Mohamad Faizel Ali & Nor Shafrin Ahmad, 2020). Kajian tempatan yang mendapati stres dalam kalangan guru pelatih khususnya semasa menjalani praktikum juga semakin bertambah (Abdul Latib Abdul Rahman et al., 2020; Hasnah Awang, 2016). Kokkinos dan Stavropoulos (2014) juga menegaskan bahawa praktikum boleh mengakibatkan pengalaman stres yang lebih kritikal seperti kemurungan yang menjejaskan kesihatan mental guru pelatih. Untuk mengekang gejala stres praktikum dalam kalangan guru pelatih daripada menjadi lebih buruk, Ngui dan Lay (2020) menggesa agar pihak berwajib dapat mengambil langkah proaktif dengan menambah baik program pendidikan guru dengan inisiatif yang berupaya menyiapkan para guru pelatih yang bukan sahaja mampu menangani stres semasa dalam pengajian, malah akan lebih matang, cekal dan bersedia setelah mula berkhidmat di lapangan sebenar yang lebih mencabar kelak.

1.9 Kepentingan Kajian

Kajian ini dijalankan dalam kalangan guru pelatih PISMP semester tujuh. Kajian ini adalah signifikan kerana dapat memberi sumbangan dalam aspek implikasi secara teoritikal dan empirikal, metodologi serta praktikal.

1.9.1 Aspek Teoritikal dan Empirikal

Pengujian model dalam kajian ini diharapkan dapat menyumbang kepada model sedia ada dengan penambahan dan penggunaan yang dapat menambah bukti empirikal untuk menyokong teori dengan menggunakan konstruk Kepimpinan

Servant sebagai peramal, Kecerdasan Emosi sebagai mediator dan penglibatan aktiviti ekstrakurikulum sebagai moderator terhadap stres guru pelatih semester tujuh semasa berpraktikum.

1.9.2 Aspek Metodologikal

Dari aspek metodologikal pula, kajian berbentuk kuantitatif ini dilaksanakan dengan menggunakan soal selidik yang dianalisis dengan perisian teknik analisis statistik generasi kedua yang terkini iaitu *Partial Least Squares Structural Equation Model (PLS-SEM)*. Di samping itu, kajian ini juga menggunakan pendekatan *Hierarchical Component Model (HCM)* atau *Higher Order Model* untuk meneliti dua variabel multidimensi untuk variabel eksogen iaitu Kepimpinan *Servant* dan Kecerdasan Emosi selaku mediator.

Justifikasi pemilihan pendekatan *HCM* adalah untuk mengatasi jurang metodologikal dalam pembentukan model kajian yang lebih kompleks dan sofistikated dalam kajian di Malaysia. Hal ini adalah kerana model *HCM* menyediakan kerangka untuk pembentukan variabel yang lebih abstrak yang dikenali sebagai *Higher Order Component (HOC)* dan konstruk yang lebih konkrit iaitu *Lower Order Component (LOC)*. Selain itu, dengan penggunaan model *HCM* dalam kajian ini dapat membantu mengurangkan bilangan hubungan dalam Model Struktural sehingga mencapai tahap model yang lebih ringkas dengan variabel yang minimum tetapi masih dapat memberikan penjelasan yang optimum (*parsimonious*).

Di samping itu, kekuatan kajian yang menggunakan perisian *IBM SPSS* dan *SmartPLS* ini mempunyai keupayaan dalam meramal perkaitan antara Kepimpinan *Servant* dengan stres guru pelatih semasa praktikum dengan pengaruh Kecerdasan Emosi sebagai mediator dan penglibatan dalam aktiviti ekstrakurikulum selaku moderator. Kesimpulannya, kajian ini membolehkan satu model kajian yang

komprehensif dibentuk untuk mengatasi stres guru pelatih semester tujuh ketika dalam fasa praktikum yang mungkin boleh diaplikasi semula sekiranya menghadapi situasi stres ketika berkhidmat kelak. Hasil dapatan kajian juga mampu menyumbang kepada perkembangan dalam pembentukan model kajian *HCM* dalam literatur tempatan terutamanya dalam konteks kajian guru pelatih.

1.9.3 Aspek Praktikal

Dari aspek praktikal, kajian ini dapat membantu guru pelatih, guru pembimbing, pensyarah penyelia, dan IPGM untuk memahami gejala stres dan peranan variabel Kepimpinan *Servant*, Kecerdasan Emosi dan penglibatan dalam aktiviti ekstrakurikulum untuk membantu merungkai fenomena stres guru pelatih secara khusus semasa praktikum.

Guru pelatih PISMP perlu menyelesaikan 27 tugas sepanjang tempoh praktikum (IPGM, 2017) dan guru pembimbing merupakan antara sumber utama guru pelatih untuk memberi bimbingan dan tunjuk ajar dalam pelbagai aspek PdPc di dalam mahu pun di luar bilik darjah selain pensyarah penyelia (Orland-Barak & Wang, 2020). Gabungan kolaboratif yang efektif antara guru pembimbing dengan guru pelatih PISMP dengan perpindahan ilmu keguruan melalui Kepimpinan *Servant* diharap dapat menunjukkan kesan positif dengan meningkatkan efikasi, jati diri dan mengurangkan kadar stres guru pelatih semasa praktikum. Keupayaan memahami emosi sendiri dan orang lain turut membantu guru pelatih meningkatkan daya tahan, kemahiran komunikasi, kerja berpasukan dan seterusnya dapat memberikan impak yang maksimum kepada organisasi dan semua warganya.

Dapatan kajian ini juga dapat digunakan agar IPGM berupaya merancang dan menambah baik program pengajian guru pelatih melalui kurikulum, aktiviti kokurikulum, aktiviti ekstrakurikulum, latihan, kursus mahu pun tugas yang

berpotensi untuk meningkatkan Kecerdasan Emosi. Pihak IPGM, JPN, PPD dan sekolah juga boleh memanfaatkan dapatan kajian ini untuk mereka bentuk program Pembangunan Profesional Berterusan (CPD) yang bersesuaian untuk guru dan pensyarah dalam perkhidmatan dalam aspek Kepimpinan *Servant* dan Kecerdasan Emosi dan mempromosi penglibatan dalam aktiviti ekstrakurikulum untuk meningkatkan kesihatan mental dan fizikal semua warga pendidik.

1.10 Definisi Operasional

Bahagian ini telah memperincikan takrifan variabel yang dikaji serta cara pengukuran yang telah digunakan. Definisi operasional dalam kajian ini dibuat berdasarkan konteks Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP) yang dilaksanakan di IPGM. Variabel kajian yang digunakan dalam kajian ini adalah Kepimpinan *Servant*, stres, Kecerdasan Emosi dan penglibatan dalam aktiviti ekstrakurikulum.

1.10.1 Kepimpinan *Servant*

Kepimpinan *Servant* merupakan kepimpinan yang berorientasikan gaya kepimpinan yang berpremiskan keunikan dan kebolehan individu, yang diberikan dorongan dan sokongan oleh pemimpin untuk pencapaian potensi diri sepenuhnya, melalui penglibatan komunikasi personal dengan subordinat (Liden et al., 2008). Dalam konteks kajian ini, Kepimpinan *Servant* merujuk kepada gaya kepimpinan guru pembimbing di sekolah yang membantu guru pelatih PISMP semester tujuh yang sedang berpraktikum untuk mencapai potensi diri mereka ke arah peningkatan kerjaya yang optimum dan kesejahteraan psikologi dalam organisasi. Variabel Kepimpinan *Servant* menggunakan instrumen *Servant Leadership Measures (SL-28)* oleh Liden et al. (2008) yang telah diterjemah ke bahasa Melayu oleh Asnani Bahari dan Norsiah

Mat (2017). Borang soal selidik ini menggunakan skala Likert 7 mata iaitu 1 untuk Sangat Tidak Setuju dan 7 sebagai Sangat Setuju untuk semua item. Dua puluh lapan item digunakan untuk mengukur tujuh dimensi atau konstruk Kepimpinan *Servant* iaitu:

a. Kemahiran Konseptual

Kemahiran Konseptual merujuk kepada kemahiran dan pengetahuan pemimpin dalam organisasi berkenaan prosedur operasi standard dalam spesifikasi tugas yang digunakan untuk menangani isu dalam usaha pencapaian objektif dan matlamat organisasi. Dimensi ini diukur berdasarkan empat item (Liden et al., 2008).

b. Pengupayaan

Dimensi yang diukur dengan empat item ini merujuk kepada pemeraksanaan terhadap subordinat dengan penyerahan autonomi dalam aktiviti mengenal pasti masalah dan seterusnya membuat keputusan untuk tindakan susulan dalam proses penyelesaian masalah (Liden et al., 2008).

c. Pembangunan Potensi

Dimensi yang memperincikan tentang keprihatinan pemimpin *servant* dalam inisiatif untuk membantu mengoptimumkan pembangunan sendiri subordinat dengan memberikan sokongan, dorongan dan bimbingan (Liden et al., 2008). Dimensi ini juga diukur melalui empat item (Liden et al., 2008).

d. Utamakan Subordinat

Dimensi yang keempat ini turut diukur dengan menggunakan empat item yang berkaitan dengan sikap pemimpin *servant* yang bukan sekadar menzahirkan deklarasi mengutamakan subordinat secara verbal, malah turut membuktikannya

secara praktikal, terutamanya dalam kalangan subordinat yang berada bawah seliaannya secara terus (Liden et al., 2008).

e. Etika

Dimensi ini merujuk kepada cara pemimpin *servant* yang berinteraksi secara adil, jujur dan terbuka dengan subordinat dalam sesebuah organisasi. Dimensi etika ini turut diukur melalui empat item (Liden et al., 2008).

f. Pemulihan Emosi

Dimensi yang seterusnya ini juga memperuntukkan empat item untuk mengukur Pemulihan Emosi pemimpin *servant*. Pemulihan Emosi merupakan tindakan yang memperlihatkan kepekaan seseorang pemimpin terhadap isu personal dan kesejahteraan subordinatnya (Liden et al., 2008).

g. Nilai Komuniti

Penilaian empat item dalam dimensi yang ketujuh dan juga yang terakhir ini memperihalkan peranan yang diambil oleh pemimpin *servant* dalam membentuk, menggerakkan dan mengaktifkan komuniti dalam sesebuah organisasi (Liden et al., 2008).

1.10.2 Stres

Menurut Lazarus dan Folkman (1984), stres merupakan hubungan antara seseorang individu dengan persekitarannya yang membawa impak negatif dalam aspek emosi yang berpotensi untuk memudaratkan kesihatan mental dan fizikal. Kajian ini mengkhususkan stres yang terjadi dalam kalangan guru pelatih semester tujuh yang sedang menjalani fasa praktikum. Borang soal selidik yang digunakan untuk mengukur stres ialah *Perceived Stress Scale* (Cohen et al., 1983) yang telah diterjemah ke bahasa Melayu oleh Al-Dubai et al. (2014) yang mempunyai 10 item (4